



**RSS**

# ANCAM KESELAMATAN DAN KEAMANAN

Menolak Kempen Kebencian Antara Agama  
oleh RSS

0.55  
IAA

**MUHD AZMI ABDUL RAHMAN**



7/12/2021

Ikhlās dari *[Signature]*  
7/12/21



# ANCAM KESELAMATAN DAN KEAMANAN

Menolak Kempen Kebencian Antara Agama oleh RSS

**MOHD AZMI ABDUL HAMID**

Tokoh Mautidur Rasul Kebangsaan 2019



PUSTAKA PERDANA



1013182





**Casamas Resources Sdn Bhd**

**RSS Ancam Keselamatan dan Keamanan:  
Menolak Kempen Kebencian Antara Agama oleh RSS  
ditulis oleh Mohd Azmi Abdul Hamid**

Mohd Azmi Abdul Hamid

Tel: 019-271 6478 / 019-474 4856

E-mel: azmiabdulhamid58@gmail.com

© Mohd Azmi Abdul Hamid, 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis buku ini.

Cetakan Pertama, 2021

ISBN: 978-967-2446-38-5

320.55  
MAA

# Kandungan

<b>Mukadimah</b>	<b>1</b>
Bab 1: RSS - Menanam Nilai Kebencian, Fanatik dan Nasionalisme Agama	3
Bab 2: RSS - Hindu Nasionalis Pencetus Keganasan Terhadap Muslim di India	9
Bab 3: India Perlu Hentikan Penyebaran Nasionalisme Hindu	14
Bab 4: Keganasan ke atas Muslim di India - RSS Menjadi Dalang	19
Bab 5: Bagaimana RSS masuk ke Malaysia	29
Bab 6: Kenyataan Media dan Memorandum	34
• Memorandum: Kecaman Terhadap Pemimpin-Pemimpin BJP India Menghina Islam	
• Hari Peringatan Gandhi Dibunuh - Awasi Kelompok Fasis Dari India	
• Mengingati Perobohan Masjid Babri	
• Memorandum Bantahan: Menyasarkan Umat Islam di India Harus Segera Berhenti	
• Pertumpahan Darah di India, Mengapa Dunia Diam?	



**Perkembangan dunia kini banyak dicorak oleh pengaruh rentas sempadan. Apatah lagi dalam persoalan agama. Ketegangan agama mudah tercetus terutama apabila ada pihak yang memperalatkan sentimen agama dengan ideologi nasionalisme.**

**R**ashtriya Swayamsevak Sangh (RSS) sebuah organisasi yang lahir di India atas nama gerakan sosial, tetapi berubah kepada gerakan politik agama dan membawa ideologi Hindutva. Ideologi ini mencetus kebencian kepada minoriti di India terutama terhadap Islam dan Muslim.

Dari laporan keganasan yang dilancarkan oleh penganut Hindu aliran RSS keatas kaum Muslimin, kini RSS sedang menyebarkan pengaruhnya ke negara lain, antaranya Malaysia.

Ketegangan sektarian antara penganut agama sangat merbahaya. Apatah lagi bila ia didokong oleh pemerintah. Pemerintah India yang didokong oleh organisasi aliran kanan (***right wing nasionalist***) yang didominasi RSS mencetuskan bukan sahaja kempen Islamofobia, malah kebencian yang tajam terhadap kaum Muslimin di India.

RSS tidak boleh dibiarkan menyerap di negara ini. Keharmonian antara agama di Malaysia adalah kerukunan yang telah dibina sejak negara ini merdeka melalui perlembagaan negara.

Mereka yang cenderung untuk direkrut sebagai anggota yang berkait dengan RSS harus dipantau oleh pihak berkuasa.

Kami menekankan bahawa kerukunan antara agama di Malaysia adalah asas membangunkan masyarakat Malaysia yang majmuk. Sebarang usaha untuk merubah wajah Malaysia yang sudah disepakati berdasarkan perlembagaan negara perlu disekat.

Buku ini disusun untuk mendedahkan RSS secara umum dan apa yang berlaku di India. Oleh kerana ada pihak yang cuba membawa ideologi organisasi ini ke Malaysia, maka kami merasakan pendedahan harus dilakukan untuk menyedarkan masyarakat Malaysia mengenai bahayanya RSS yang cuba bertapak di sini.

Kami berpegang pada prinsip saling menghormati antara agama dan tidak berkompromi dengan mereka yang cuba mencetuskan ketegangan sektarian.

**Mohd Azmi Abdul Hamid**

*Presiden MAPIM*

# RSS - Menanam Nilai Kebencian, Fanatik dan Nasionalisme Agama

**Rashtriya Swayamsevak Sangh (RSS) adalah sebuah badan sosial penganut Hindu di India yang ditubuhkan pada tahun 1925 ketika India dijajah British. Ia kini menjadi organisasi paling berpengaruh mencorak pemikiran dan sikap terhadap agama minoriti lain di India terutama terhadap Muslim dan Islam.**

**K**ini, dengan seorang pemimpin RSS menjadi Perdana Menteri India, iaitu Narendra Modi atas nama parti Bharatiya Janata Party (BJP) yang ditubuh pada tahun 1980, minoriti agama lain berdepan dengan sikap keras kumpulan oleh RSS, puak cauvinis yang menyebarkan kebencian kepada agama lain selain Hindu.

Walaupun kemerdekaan India dari British pada 1947 adalah berdasarkan demokrasi pluralistik berasaskan prinsip sekular dalam kepelbagaian, RSS mengambil sikap bahawa India hendaklah ditakrif berdasarkan pegangan agama Hindu.

Ini bermakna, RSS mahu mempromosikan India sebagai Negara Hindu dengan membawa ideologi Hindutva, iaitu konsep ke “Hinduan” (**Hindu-ness**) dan idea India perlu menjadi negara Hindu.

Kini, 80 peratus populasi India berjumlah 1.4 bilion adalah penganut Hindu, tetapi terdapat jutaan yang lain adalah Muslim, Kristian, Sikh, Buddhis dan Jains.

Perlembagaan India menyatakan India adalah negara sekular yang memisahkan negara dari agama, (banyak peruntukan dalam perlembagaan India menggunakan nilai-nilai sekular).

Namun, RSS mahu mengubah hal ini dan misinya adalah berteraskan nasionalisme yang tulen (*“firmly rooted in genuine nationalism”*) dan menentang sekularisme yang dikatakan menghakis integriti India (*“erosion of the nation’s integrity in the name of secularism”*). RSS juga menentang kerajaan India memberi banyak kemudahan kepada kaum Muslimin (*“endless appeasement of the Muslim population.”*).

RSS mendakwa penganut Hindu selama ini dilayan sebagai bertaraf warga rakyat kelas kedua oleh kerajaan. Dalam erti kata lainnya, RSS mendakwa mahu melindungi agama Hindu Dharma (**budaya, nilai dan sistem hidup Hindu**).

RSS mempunyai misi untuk mengguna ajaran agama Hindu untuk menggubal undang-undang India. Mereka mahu mencabut hak saksama penganut Islam di India sehingga mahu mengusir mereka dari India.


Sejak RSS dilahirkan oleh Keshav Baliram Hedgewar, ia berlawanan dengan pendekatan Ghandi yang menolak keganasan. RSS cenderung dengan cara disiplin militari mereka dan mahu kitab ajaran Hindu digunapakai oleh India sepenuhnya.

Pemimpin awal RSS seperti M.S. Golwalkar, merujuk kepada Kristian dan Muslim sebagai ancaman ("**internal threats**"). Beliau memuji Nazi Germany sebagai contoh gerakan kebanggaan bangsa ("**race pride**") yang boleh dipelajari oleh India.

Seorang esktrimis Hindu, ahli RSS, Nathuram Godse, membunuh Ghandi pada 30 Januari 1948 kerana menentang pendekatan Ghandi untuk menjalin hubungan baik antara Hindu dan Muslim.

Akibatnya, RSS telah diharamkan tetapi pengharaman itu ditarik semula pada Julai 1949. Sejak itu, ia kembali aktif dan berkembang dengan merekrut keahlian di kalangan wanita, anak muda, menubuhkan ribuan sekolah dan memasukkan pelbagai organisasi nasionalis di bawah naungannya termasuk bergiat di beberapa negara lain

RSS telah mendalangi serangan ke atas Masjid Babri di Ayodhya di India Utara. Masjid yang didirikan pada abad ke-6 oleh pemerintahan Moghul itu didakwa merupakan tapak kelahiran Tuhan Ram. Pada 1992, aktivis Hindu RSS memusnahkan masjid itu. Berdasarkan catatan, dikatakan 2000 kaum Muslim terbunuh dalam rusuhan itu.



"Kami tahu RSS adalah anti Muslim dan anti Kristian - dan kumpulan itu diharamkan setelah ahlinya mengasasinasi Ghandi," kata Tanika Sarkar, seorang profesor sejarah yang telah bersara di Universiti Jawaharlal Nehru.

"Namun, di sekolah yang mereka anjur, mereka mengajar pelajar supaya benci kepada etnik lain," katanya lagi. "Untuk menjadi seorang warga India, dalam erti kata sebenar, seseorang itu perlu menganut Hindu".

Kampus Universiti kini dimasuki golongan kiri dan sekular sehingga akhir 1990-an, apabila golongan nasionalis Hindu, sebahagiannya terkait dengan RSS, dan ia mula tersebar ke seluruh kampus.

Sentimen kuat menyokong fahaman nasionalis Hindu telah menolak prinsip sekularisme dan semakin kuat mempengaruhi pemikiran awam India. Fahaman RSS beransur-ansur menguasai pemikiran politik India.

Nasionalisme Hindu menjadi fahaman arus perdana yang menyebabkan BJP yang lahir dari RSS, menang pilihanraya pada tahun 1996 dan 1998.

Pendekatan Hindu RSS adalah **"aggressive"** dan tidak toleran kepada perbezaan pandangan yang lain. Kini, RSS lebih cenderung kepada politik.

Awalnya pada tahun 50-an dan 60-an ia tidak agresif, malah lebih bertumpu kepada soal mendidik moral.

Tetapi sekarang RSS menjadi kuasa politik dan ramai menteri kabinet yang dilantik oleh Modi adalah ahli RSS. Polisi yang digubal juga banyak dirujuk kepada RSS sehinggalah kepada

pembentangan bajet tahunan yang juga menjadikan RSS sebagai rujukan.

Kini RSS mempengaruhi polisi pendidikan, perdagangan, makanan dan kurikulum sekolah. Kitab Hindu juga diajar sebagai fakta sejarah di negeri di bawah kerajaan BJP.

## **Sikap terhadap Minoriti**

RSS mengambil sikap menolak sekularisme yang menyebabkan campur tangan dalam hal ehwal agama minoriti terutama Muslim dan Kristian. Bagi agama minoriti Sikh, Jain, dan Buddha — mereka dianggap sebahagian daripada India kerana kepercayaan mereka dikatakan berasal dari India.



Lebih 14 peratus warga India adalah Muslim. Islam adalah agama minoriti terbesar dan paling cepat berkembang. Lebih daripada 3 abad Empayar Mughal, Raja-Raja Muslim telah meninggalkan warisan seni arkitek termasuk yang paling terkenal, iaitu Taj Mahal.

Tetapi sebahagian daripada anggota RSS tidak menerima fakta ini. Mereka menganggap Muslim sebagai **“penceroboh”** (*“invaders”*) kerana keturunan Muslim dikatakan adalah pendatang dari luar. Ada yang menganggap bahawa India Muslim sebenarnya adalah Hindu yang didakwa dipaksa menjadi Muslim.

Jelasnya, RSS hanya mahu menghapuskan sejarah dan identiti Islam di India.



*Serangan keganasan dan kekejaman ABVP (sayap Pemuda BJP) di Ramjas College, Universiti Delhi semestinya menjadi peringatan penting dari sifat anti demokratik organisasi induknya, Rashtriya Swayamsevak Sangh (RSS) dan semua sekutunya.*

## RSS - Nasionalis Hindu Pencetus Keganasan Terhadap Muslim di India

**Pada 23 Februari 2020, suatu rusuhan berdarah tercetus di ibu kota Delhi yang melibatkan penyokong akta kerakyatan yang baharu dilulus dan penentangannya. Lebih daripada 40 orang terbunuh dan 200 cedera dalam keganasan.**

**V**ideo dan gambar rusuhan menunjukkan dengan jelas penyokong RSS, kumpulan nasionalis paramilitari yang sering dituduh berkait dengan pencetus kebencian agama dan melakukan keganasan.

Akta Pindaan Kerakyatan (*Citizenship Amendment Act (CAA)*), yang diusul oleh Perdana Menteri, Narendra Modi dan parti nasionalis BJP (**Bharatiya Janata Party**), telah diluluskan pada Disember 2019. Ia membenarkan imigran yang tiada dokumen dari tiga negara jiran (iaitu Pakistan, Bangladesh dan Afghanistan) boleh mejadi rakyat dengan syarat mereka adalah Hindu, Sikh, Jain, Parsi, Buddhist atau Kristian. Akta itu mengecualikan Muslim. Akta ini menimbulkan ketakutan kerana menyebabkan ramai Muslim yang berada di India hilang kerakyatan.



# RSS

## ANCAM KESELAMATAN DAN KEAMANAN

Gerakan fanatik nasionalis RSS dengan agenda Hindutva amat berbahaya jika ia berkembang di negara Muslim di mana penganut Islam dan Hindu hidup aman damai seperti Malaysia.



Anutan ideologi Hindutva tidak boleh dibiarkan bertapak di negara ini demi memelihara keharmonian dan kerukunan antara agama yang berteraskan Perlembagaan dan Rukun Negara di Malaysia.

-Cikgu Azmi, Presiden MAPIM

SEM.MALAYSIA RM20  
SABAH/SARAWAK RM23

ISBN 978-967-2446-38-5



9 789672 446385



MAPIM  
MALAYSIAN  
CONSULTATIVE  
COUNCIL OF  
ISLAMIC  
ORGANIZATION



**casamas**

TERBITAN:

**CASAMAS RESOURCES SDN. BHD.**

[www.casamasresources.my](http://www.casamasresources.my)



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATSIAN  
KEPERIBAHAN  
PEDAGAN